



Bintulu Port Holdings Berhad

KENYATAAN AKHBAR Untuk Siaran Segera 30 November 2021

Perolehan Operasi Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad Meningkatkan 3.49% Bagi Sembilan Bulan Tahun 2021

Kumpulan Bintulu Port Holdings Berhad (BPHB) telah mencatat peningkatan perolehan operasi sebanyak 3.49% kepada RM539.09 juta (9M 2020: RM520.90 juta) bagi tempoh sembilan (9) bulan berakhir 30 September 2021. Hasil kargo di Kumpulan Syarikat telah merekodkan pencapaian sebanyak 34.96 juta tan, iaitu peningkatan sebanyak 1.0% berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lalu yang disumbangkan oleh pengendalian pukal kering di Pelabuhan Samalaju dan pemindahan kontena ke kapal di Pelabuhan Bintulu.

Perolehan yang dijana dari perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu adalah RM407.49 juta berbanding RM405.59 juta selama sembilan bulan tahun sebelumnya. Pelabuhan Samalaju menjana perolehan sebanyak RM100.15 juta berbanding RM81.12 juta, sementara perolehan dari kemudahan pukal minyak sawit adalah RM31.45 juta berbanding RM34.19 juta dalam tempoh yang sama. Perbelanjaan bagi tempoh 9M 2021 berjumlah RM464.53 juta, meningkat 3.68% berbanding RM448.06 juta (9M 2020). Peningkatan perbelanjaan adalah disebabkan oleh pembaikan dan penyelenggaraan kemudahan pelabuhan, peningkatan perbelanjaan bahan api, peningkatan kos susutnilai hak penggunaan aset yang diiktiraf mengikut *MFRS 16: Sewapajak* bagi penyewaan tambahan bot-bot tunda bagi operasi pelabuhan dan pelunasan tambahan ke atas pajakan Jeti LPG. Keuntungan bersih Kumpulan BPHB bagi sembilan (9) bulan tahun 2021 menurun 2.99% kepada RM66.38 juta daripada RM68.43 juta.

Pendapatan sesaham Kumpulan BPHB menurun kepada 14.43 sen daripada 14.87 sen dalam tempoh yang dikaji. Bagi suku ketiga tahun 2021, Kumpulan BPHB mengisytiharkan dividen interim setingkat ketiga sebanyak 3.00 sen sesaham, yang akan dibayar pada 28 Disember 2021. Jumlah dividen yang diisytiharkan sehingga 30 September 2021 adalah sebanyak 9.00 sen sesaham (9M 2020: 8.00 sesaham).

Kumpulan syarikat positif terhadap prestasinya untuk tahun 2021 disebabkan oleh keadaan perdagangan import dan eksport yang semakin bertambah baik berikutan pembukaan semula sektor ekonomi di peringkat global dan dalam Malaysia. Perolehan daripada LNG akan kekal sebagai penyumbang utama perolehan sepanjang tahun yang dikaji. Kumpulan juga menjangkakan pertumbuhan daripada kargo kontena dan kargo daripada operasi di Samalaju.

Walau bagaimanapun, prospek diramal masih tidak menentu kesan daripada risiko kemunculan varian baru Omicron. Ia akan mempengaruhi rantai bekalan kepada industri logistik. Kumpulan Pelabuhan Bintulu kekal siap-siaga dan terus berusaha untuk mencapai misi syarikat iaitu memberikan kecemerlangan operasi & memastikan kelestarian jangka panjang berdasarkan 3P (*Profit, People & Planet*).

****TAMAT****

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: Mervin Garawat
No Telefon: [086-291256](tel:086-291256) or Emel: mervin@bintuluport.com.my
Unit Perhubungan Pelabur, Bintulu Port Holdings Berhad